



UNDANG² MALAYSIA

Akta 42

AKTA KUMPULANWANG PINJAMAN
PERUMAHAN, 1971

Tarikh Persetujuan di-Raja ... 30hb Ogos, 1971

Tarikh di-terbitkan dalam *Warta* ... 2hb September, 1971

Am: Act A 326/76
Act A 438
AA 780 1-7-80

UNDANG² MALAYSIA

Akta 42

AKTA KUMPULANWANG PINJAMAN PERUMAHAN, 1971

Suatu Akta bagi memberikuasa supaya ^{beberapa jumlah wang} ~~wang sa-banyak~~ ^{A.A 438} satu ribu juta ringgit di-dapatkan sa-bagai pinjaman bagi maksud Kumpulanwang Pinjaman Perumahan bagi Persekutuan dan bagi membuat peruntokan berhubung dengan achara kewangan mengenai Kumpulanwang Pinjaman Perumahan bagi Persekutuan dan Negeri².

[3hb September, 1971.]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan, 1971. Tajok ringkas.

BAHAGIAN II PEMBERIANKUASA MENGENAI PINJAMAN

2. (1) Menteri Kewangan ada-lah dengan ini di-berikuasa, tertaklok kepada peruntokan² Akta ini, mendapatkan dari sa-masa ka-samasa di-dalam atau di-luar Persekutuan ~~sa-jumlah wang yang semua-nya tidak lebeh daripada satu~~ ^{beberapa jumlah wang bagi maksud -maksud Kumpulanwang} ~~ribu juta ringgit.~~ ^{Pinjaman Perumahan Persekutuan} Kuasa bagi mendapatkan pinjaman². (A.A 438)

(2) Semua wang yang di-dapatkan di-bawah peruntokan² Akta ini boleh di-dapatkan dari mana² puncha dengan chara overdraft atau dengan chara apa² perkiraan lain dan atas apa² syarat sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Menteri Kewangan.

3. Wang² pokok yang di-dapatkan di-bawah peruntokan² Akta ini serta segala faedah atas-nya ada-lah dengan ini di-pertanggungkan kepada Kumpulanwang Disatukan. Pinjaman hendak-lah di-pertanggungkan kepada Kumpulanwang Disatukan.

BAGIAN III

MENGGUNAKAN PINJAMAN

Sub. AAD25
Kumpulan-
wang
Pinjaman
Perumahan.
62/57.

4. ^{Tertaklok kepada seksyen 40.} Maka hendaklah di-bayar masuk ka-dalam Kumpulan-
wang Pinjaman Perumahan yang di-nyatakan dalam Jadual
Kedua kepada Ordinan Achara Kewangan, 1957 (kemudian
daripada ini di-sebut "Kumpulanwang")—

- (a) wang yang merupakan hasil pendapatan daripada pinjaman yang di-dapatkan di-bawah peruntokan² Akta ini;
- (b) wang yang di-peruntokkan dari sa-masa ka-samasa oleh Parlimen bagi maksud² Kumpulanwang;
- (c) wang yang merupakan pembayaran balek wang pokok apa² pinjaman yang telah di-beri di-bawah peruntokan Akta ini dan faedah atas-nya;
- (d) wang yang merupakan faedah yang di-terima dari pelaburan wang Kumpulanwang;
- (e) wang yang di-terima dari jualan atau penghasilan apa² aset yang telah di-bayar daripada Kumpulanwang; dan
- (f) lain² wang yang di-terima oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud² Kumpulanwang.

Ins. AA1225

→ (4A)...
5. Wang Kumpulanwang hendaklah di-gunakan dan adalah dengan ini di-peruntokkan bagi maksud—

Mengguna-
kan wang
Kumpulan-
wang.

Gantian
oleh
Act 430/16

- (a) memberi pinjaman atas apa² syarat sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Menteri Kewangan kepada mana² anggota perkhidmatan awam (lain daripada perkhidmatan awam bagi sa-suatu Negeri) untok membolehkan atau membantu anggota itu membeli tanah dan membina atas tanah itu rumah kediaman dan jalan sa-bagai jalan masuk kepada-nya; dan
- (b) memberi pinjaman kepada Kerajaan sa-suatu Negeri bagi maksud Kumpulanwang Pinjaman Perumahan bagi Negeri itu.

Pembayaran
balek
pinjaman.
62/57.

6. (1) Walau apa pun peruntokan sekshen 13 (2) Ordinan Achara Kewangan, 1957—

- (a) wang yang merupakan hasil pendapatan daripada pinjaman yang di-dapatkan di-bawah peruntokan² Akta ini serta faedah yang kena di-bayar atas-nya, hendaklah, tertaklok kepada perenggan (b), di-bayar balek daripada Kumpulanwang itu; dan

KUMPULANWANG PINJAMAN PERUMAHAN

5

(b) Menteri Kewangan boleh membenarkan di-bayar daripada Kumpulanwang Disatukan apa² bahagian daripada faedah mengikut sa-bagaimana yang ditentukan oleh-nya yang kena di-bayar dalam perenggan (a).

(2) Jika wang yang ada dalam kredit Kumpulanwang itu tidak cukup untuk membayar balek kesemua wang yang di-dapatkan itu atau sa-bahagian daripada-nya serta faedah yang kena di-bayar atas-nya, Menteri Kewangan hendaklah memperuntukkan daripada Kumpulanwang Disatukan dan membayar balek wang yang belum di-bayar itu serta faedah atas-nya.

7. Menteri Kewangan boleh mengeluarkan arahan² yang tidak berlawanan dengan peruntukan² Akta ini mengenai pengurusan dan pengendalian Kumpulanwang itu.

Menteri
boleh
mengeluar-
kan arahan.

BAHAGIAN IV

KUMPULANWANG PINJAMAN PERUMAHAN NEGERI

8. (1) Peruntukan² Bahagian III Akta ini hendaklah di-pakai bagi Kumpulanwang Pinjaman Perumahan bagi sa-suatu Negeri sa-bagaimana peruntukan² itu di-pakai bagi Kumpulanwang Pinjaman Perumahan yang di-nyatakan dalam Jadual Kedua kepada Ordinan Achara Kewangan, 1957, dan sebutan² dalam Bahagian itu kepada Kumpulanwang Pinjaman Perumahan yang di-nyatakan dalam Jadual Kedua yang tersebut itu hendaklah di-tafsirkan sa-wajar-nya.

Kumpulan-
wang
Pinjaman
Perumahan
Negeri.

(2) Berhubung dengan pemakaian Bahagian III Akta ini bagi Kumpulanwang Pinjaman Perumahan sa-suatu Negeri sa-bagaimana tersebut di-atas—

(a) sebutan² dalam Bahagian itu yang di-nyatakan dalam ruang pertama dalam Jadual kepada Ordinan ini hendaklah di-tafsirkan sa-bagai sebutan² yang di-nyatakan dalam ruang kedua yang bersepetangan dalam Jadual tersebut;

(b) ~~sekshen 5 (b) tidak di-pakai.~~

BAHAGIAN V

AM

9. Ordinan No. 48 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

Peman-
sokhan.

[Jadual]

6

AKTA 42

JADUAL

(Sekshen 8)

Sebutan ² dalam Bahagian III ...	Tafsiran berhubung dengan pemakaian Bahagian III Kumpulanwang Pinjaman Perumahan bagi sa-suatu Negeri
1. Persekutuan	Negeri
2. Parlimen	Dewan Negeri
3. Menteri Kewangan	Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi sa-suatu Negeri, dan bagi Sabah, Menteri yang bertanggungjawab atas kewangan dalam Negeri itu
4. Anggota perkhidmatan awam (lain daripada perkhidmatan awam bagi sa-suatu Negeri)	Anggota perkhidmatan awam bagi sa-suatu Negeri
5. Wang yang merupakan hasil pendapatan daripada pinjaman yang di-dapatkan di-bawah peruntukan ² Akta ini	Wang yang merupakan hasil pendapatan daripada pinjaman yang di-dapatkan di-bawah kuasa undang ² Negeri bagi maksud ² Kumpulanwang itu
6. Sekshen 13 (2) Ordinan Achara Kewangan, 1957	Sekshen 27 (2) Ordinan Achara Kewangan, 1957